

Selasa, 23 Februari 2016 - 10:06AM

Waktu Solat Kuala Lumpur: Imsak - 6:00 Subuh - 6:10 Syuruk - 7:25 Zohor - 13:29 Asar - 16:47 Maghrib - 19:29 Isyak - 20:39

**BH ONLINE**Dapatkan edisi BH Digital.  
Hanya RM19 sebulan.[LANGGANI SEKARANG](#)

UTAMA SEMASA POLITIK SUKAN DUNIA BISNES JENAYAH KOLUMNIS RENCANA BH@IT HIBURAN FOTO VIDEO

**30% OFF**  
On Starting Fare

Route	Starting Fare(MYR)
Kuala Lumpur - Singapore	<del>54.00</del> 38.36
Kuala Lumpur - Penang	<del>38.50</del> 26.95

[BOOK NOW](#)**BISNES**

SELASA, 23 FEBRUARI 2016 @ 8:00 AM

**MRT Corp guna model TOD**Oleh Shahrizan Sallan  
shahrizan\_sallan@bh.com.my

80



1

MASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) bercadang memajukan tanah milik kerajaan di sepanjang jajaran projek MRT dengan pembangunan bercampur menggunakan model pembangunan berorientasikan transit (TOD).

TOD merujuk kepada pembangunan hartanah kediaman dan komersial bagi memaksimumkan akses kepada pengangkutan awam serta menggalakkan penggunaannya di kalangan rakyat.

Kejiranan TOD biasanya mempunyai pusat tumpuan dengan stesen transit atau perhentian tren yang dikelilingi oleh pembangunan berkepadatan tinggi.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Seri Shahril Mokhtar, berkata berdasarkan persetujuan sebelum ini, syarikat diberikan tanggungjawab untuk membangunkan hartanah di atas tanah kerajaan di sepanjang jajaran MRT, selain membangunkan projek MRT sendiri.



KETUA Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Seri Shahril Mokhtar. - Foto Nur Adibah Ahmad Izam

"Tumpuan utama adalah tanah kerajaan kerana kami perlu mencari penyelesaian memandangkan kerajaan sudah membelanjakan wang yang besar untuk projek ini.

"Jadi, MRT Corp sekarang-kurangnya perlu mencari jalan mengurangkan beban kerajaan untuk mendapatkan balik pulangan daripada kos projek ini," katanya dalam satu temu bual bersama wartawan kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

**Projek perumahan mampu milik**

Shahril berkata, MRT Corp juga bercadang untuk membina projek perumahan mampu milik berhampiran stesen MRT dengan jumlah unit rumah jenis itu perlu dipersetujui bersama oleh kerajaan.

Dari segi harga rumah, katanya perkara berkenaan adalah subjektif kerana bergantung kepada kawasan pembangunan.

Cari Kata Kunci

**KL to Penang**30% Off on Bus Tickets.  
Coupon Code:  
REDBUS30. Book Now!**NiB NEWS IMAGE BANK**  
Most comprehensive archive in Malaysia

Beliau menambah, MRI Corp masih lagi dalam proses meneroka dan menimbang kawasan yang sesuai untuk dibangunkan sebagai TOD, sama ada di Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) mahupun Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).

Namun, tegasnya lokasi yang tepat masih sukar dikongsikan buat masa ini walaupun MRT ada mengenal pasti beberapa kawasan yang sesuai, antara lain adalah di Kajang.

"Kami sudah mengenal pasti tanah milik kerajaan yang terbabit, namun pasukan di MRT Corp sedang meneliti apakah jenis pembangunan yang boleh dimajukan, termasuklah perumahan mampu milik," katanya.

Shahril berkata, MRT Corp juga menimbang kemungkinan untuk memajukan pembangunan bercampur, termasuk membina pusat beli-belah atau hotel.

Katanya, sebagai pihak yang diberikan tanggungjawab oleh kerajaan untuk membangunkan kawasan berkenaan, MRT Corp perlu mencari jalan untuk menjana pendapatan berulang.

#### Kerjasama dengan pakar

"Berdasarkan perjanjian bersama kerajaan, 95 peratus hasil yang dijana daripada pembangunan akan dipulangkan kepada kerajaan dan kami hanya akan menyimpan lima peratus bagi perbelanjaan operasi.

"Justeru, kerajaan adalah penerima manfaat terbesar, yang mana manfaat kerajaan pula adalah untuk rakyat," katanya.

Beliau menjelaskan, rancangan memajukan pembangunan bercampur pula akan dilaksanakan menerusi kerjasama dengan pemaju hartanah terkemuka kerana MRT Corp tidak mempunyai kepakaran berbuat demikian.

Katanya, MRT Corp akan bekerjasama dengan pakar dalam bidang hartanah yang dipilih menerusi proses tender terbuka.

Shahril juga menegaskan, mengendalikan pengangkutan awam bukanlah satu perniagaan yang menjana pulangan besar, malah satu-satunya syarikat yang menjana keuntungan besar adalah di Hong Kong.

#### DISYORKAN



**Datin ditangkap khalwat dalam kereta bersama lelaki 'warak'**



**Zain Saidin pujuk Che Ta hamil lagi**



**Remaja intai gadis sambil onani ditahan**



**Bukan salah baju, badan saya yang 'sado' - Fara Fauzana**

#### DARI SELURUH LAMAN



**School holiday vacations: 10 hotels for families**

Skyscanner



**"Worlds Brightest" Military Grade Flashlight Now Available To Public**

Vir3



**10 Weird birth cases**

Infowat



**See the Best Luxury Real Estate in the World [Photos]**

Mansion Global by Dow Jones

Recommended by @outbrain

#### Berita

Semasa  
Dunia  
Bisnes  
Politik  
Hiburan  
Jenayah  
Politik  
Rencana  
Kolumnis  
Sukan  
BH@IT

#### Capaian

Laman Web  
Mobile  
RSS Feed  
**Unit Iklan**  
Pertanyaan  
Maklumat

#### Multimedia

Foto  
Video  
Sudoku

#### Media Sosial

Facebook  
Twitter  
YouTube  
Instagram

#### Interaktif

BH TV  
Rakan BH

#### Langgan

Akhbar Digital  
Akhbar BH  
SMS Alert

#### Perkhidmatan

Iklan Web  
1Klasified  
News Image  
Bank (NIB)



Hubungi Kami  
Sejarah  
Redaksi  
Disclaimer  
Notis Perlindungan  
Data Peribadi

